



Waspada Selalu!

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Sikap berwaspada ibu bapa terhadap keadaan anak-anak ketika mandi di laut amat penting sekali.
A teramat terpenting sekali
B amat terpenting sekali
C teramat penting sekali
D amat penting sekali
- 2 Para penyelam yang ditugaskan untuk proses mencari dan menyelamatkan di kawasan tersebut telah mengesahkan supaya mangsa tidak dijumpai.
A agar mangsa tidak dijumpai
B apabila mangsa tidak dijumpai
C bahawa mangsa tidak dijumpai
D supaya mangsa tidak dijumpai
- 3 Peraturan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan diwujudkan demi untuk melahirkan pengguna jalan raya yang berhemah.
A demi melahirkan
B demi untuk lahirkan
C untuk demi melahirkan
D demi untuk melahirkan
- 4 Setelah berbulan-bulan jatuh di tangga, nenek belum boleh berdiri sendiri kerana masih memerlukan sokongan untuk berdiri.
A telah sudah berdiri sendiri
B belum masih berdiri sendiri
C telah pernah berdiri sendiri
D belum boleh berdiri sendiri

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Kanak-kanak amat sangat gembira jika ibu bapa membawa mereka berekreasi di kawasan sungai.

- 2 Polis telah menahan tiga orang lelaki warga asing bahawa disyaki terbabit dalam sindiket penipuan dalam talian.

- 3 Banyak perkara-perkara baharu yang dapat kita belajar melalui ceramah Doktor Azwan tentang langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit.

- 4 Pengguna dinasihatkan jika meneliti maklumat pada label barang makanan bagi memastikan kandungan bahan pengawet.
